



# Kelebihan Ramadan

## Pintu Syurga Khas Bagi Orang Berpuasa

“Sesungguhnya didalam syurga ada satu pintu yang dinamakan **Ar-Rayyan**. Pada hari kiamat kelak, orang-orang yang berpuasa akan memasuki syurga dari pintu tersebut, sehingga tidak akan ada seorang pun yang dapat masuk selain daripada mereka.

(HR. Bukhari 1763)

*Al Quran*  
Surah Al Qadr 1-3

***“Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al-Quran) pada Malam al-Qadar, Dan adakah engkau mengetahui akan kebesaran Malam al-Qadar itu?, Malam al-Qadar itu lebih baik daripada seribu bulan”***

## Lailatul Qadar

Alangkah indahnya apabila di Mahsyar kelak terdapat didalam buku catatan amalan kita, walaupun seumur hidup hanya sekali Lailatul Qadar

Manakala alangkah ruginya apabila tiada amalan ramadan pada buku catatan amalan kita di akhirat kelak.



# Kelebihan Ramadan

- SUDUT BACAAN -

## Sebab Rasa Sibuk & Miskin

Sesungguhnya Allah SWT berfirman : "Wahai anak Adam, fokuskanlah beribadah kepada-Ku nescaya akan Akuenuhi dadamu dengan rasa cukup dan aku tutupi kemiskinanmu. Jika kamu tidak melakukannya, akan akuenuhi tanganmu dengan kesibukkan dan Aku tidak akan menutupi kemiskinanmu"

(HR. Termidzi 2390)

### Yang Rugi Setelah Ramadan Pergi

*"Betapa ruginya seseorang yang tidak berselawat kepadaku ketika namaku disebut tengah disebut disisinya"*

*"Betapa ruginya seseorang yang datang padanya **Bulan Ramadan** hingga akhir, sedang dia belum mendapatkan keampunan daripada Allah SWT"*

*"Betapa ruginya seseorang yang mendapati kedua orang tuanya telah lanjut usia, namun tidak membuatnya masuk syurga"*



**BAHAGIAN DAKWAH**

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK  
TINGKAT 6, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN  
IPOH, PERAK  
05-208 4930 | 05-208 4931

 Media Sosial : Seruan Hikmah

**"Islam Untuk Semua, Kita Bersaudara"**